

# **BAB**

# **PERTAMA**

## BAB PERTAMA

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Sudah menjadi fitrah kejadian manusia, setiap makhluk diciptakan berpasang-pasangan. Ini dibuktikan melalui firman Allah s.w.t:

سبحان الذي خلق الأزواج كلها مما تبتت الأرض ومن انفسهم  
ومما لا يعلمون.

Maksudnya:

Akuilah kesucian Allah tuhan yang telah menjadikan makhluk-makhluk, semuanya berpasangan-pasangan, samada yang ditumbuhkan oleh bumi, atau dari diri mereka, ataupun dari apa-apa yang mereka tidak dapat mengetahuinya.

Surah Yāsīn (36): 23.

Ayat di atas adalah bukti bahawa setiap manusia dijadikan berpasangan. Justeru itu Allah s.w.t menganugerahkan naluri ingin memiliki pasangan hidup kepada mereka. Lantaran itu juga diciptakan kaum lelaki dan perempuan bertujuan untuk memenuhi tuntutan naluri tersebut. Mengimbas kembali asal kewujudan manusia, insan pertama yang diciptakan adalah daripada golongan lelaki iaitu Adam ‘a.s. Kemudian diciptakan seorang perempuan yang bernama Hawa bagi mengisi kesunyian dan kekosongan hidup Nabi Adam ‘a.s. Hasil

perkongsian hidup Adam dan Hawa maka lahirlah generasi manusia hingga ke hari ini.

Dalam menyatukan pasangan ini, satu sistem ‘perkahwinan’ telah dibentuk. Ia adalah suatu syariat oleh Allah sebagai satu syarat bagi menghalalkan perhubungan di antara keduanya supaya dapat melahirkan zuriat dengan cara yang betul dan terpelihara.

Semestinya setiap pasangan ingin memiliki anak-anak yang baik, sihat serta dapat menyejukkan pandangan atau *qurrah al-'ayn* (قرة العين). Bagaimanapun masih ramai yang belum menyedari bahawa bagi merealisasikan tujuan tersebut terdapat beberapa faktor penting yang mesti diambil kira dan dipertimbangkan. Antaranya ialah memilih pasangan berdasarkan ciri-ciri yang telah digariskan oleh Islam.

Memiliki isteri atau suami yang baik dan beriman merupakan idaman setiap pasangan. Bagaimanapun ramai yang tersilap membuat pemilihan kerana dikaburi dengan unsur lain seperti tergoda dengan rupa paras atau terpedaya dengan tutur kata yang manis dan terpesona dengan harta kekayaan tanpa terlebih dahulu menyelidiki latar belakang pasangan.

Sehubungan itu Rasulullah S.A.W memberikan panduan tentang tatacara memilih pasangan dengan menggariskan beberapa kriteria atau ciri. Namun begitu kriteria yang paling penting dan utama adalah agama. Agama yang dimaksudkan bukan sahaja setakat menganuti agama yang sama (Islam) tetapi membawa

pengetian yang lebih mendalam. Dalam erti kata lain ialah seorang yang beriman dan bertaqwa samada lelaki atau perempuan.

Melihat kepada realiti masyarakat hari ini, arus pemodenan telah banyak mengubah cara hidup manusia dalam segala hal termasuk soal pemilihan pasangan. Kalau dahulu soal mencari jodoh lebih menjurus kepada agama, adat dan kesopanan tetapi sekarang faktor tersebut seolah-olah dilupakan. Bagi golongan lelaki misalnya mereka akan berbangga jika mempunyai pasangan yang cantik, penampilan menarik, berjawatan, bijak dan berfikiran terbuka. Begitu juga dengan golongan wanita mereka merasa bahagia jika dapat memiliki suami yang tampan, bergaya, berjawatan, berharta dan sebagainya.

Namun begitu dalam masa yang sama, kedua-dua golongan itu seolah-olah terlupa akan hal-hal yang berkaitan dengan keagamaan seperti mana yang disyariatkan oleh Islam di mana kebajikan dunia dan akhirat mesti diutamakan. Kerana itu tidak hairanlah saban hari kita didedahkan dengan kes-kes perceraian, penderaan anak-anak, pengabaian tanggungjawab dan sebagainya.

Oleh itu penulis merasa terpanggil untuk memilih tajuk ini iaitu ‘Kriteria Pemilihan Pasangan’ untuk didedahkan kepada masyarakat tentang kepentingan pemilihan serta kriteria yang sepatutnya dijadikan pilihan utama dan wajar bagi menentukan pasangan hidup untuk menjamin kebahagian rumahtangga. Justeru penulis telah menjadikan masyarakat Islam daerah Besut sebagai sampel kajian.

## **2.1 Lokasi Kajian**

Dalam penyelidikan ini penulis hanya menumpukan kajian terhadap sebuah masyarakat minoriti di daerah Besut iaitu tempat kelahiran penulis. Besut adalah salah sebuah daripada daerah di dalam negeri Terengganu. Daerah Besut terletak di bahagian utara negeri Terengganu dan bersempadan dengan daerah Pasir Puteh di Kelantan.<sup>1</sup>

Daerah Besut merangkumi kawasan seluas 123367.80 hektar yang mengandungi 15 mukim dan 3 pekan<sup>2</sup> dengan jumlah penduduknya 107 900 orang iaitu menurut bancian tahun 1991.<sup>3</sup>

Hampir 95 peratus penduduknya terdiri daripada bangsa Melayu. Selebihnya terdiri daripada bangsa China, Siam dan Pakistan.<sup>4</sup>

### **2.1.1 Sejarah Besut**

Mengenai sejarah Besut tidak ada bukti secara bertulis yang jelas dapat menerangkan sejarah awalnya. Tetapi mengikut cerita-cerita liisan, nama Besut ini di ambil bersempena nama ketua sekumpulan orang-orang Pangan yang memerintah Besut pada suatu ketika dahulu. Setelah kematian seorang raja yang

<sup>1</sup> *Malaysia Dari Segi Sejarah: Persatuan Sejarah Malaysia* (1983). Percetakan Seosan Sdn. Bhd, h. 33.

<sup>2</sup> *Gema Data*. Bil. 5 Julai – September 1993, h. 2.

<sup>3</sup> *Laporan Am Bancian Penduduk: General Report of Population Censuses* (1991). J. 2.

<sup>4</sup> *Pesta Rakyat Besut* (1976). (T.T.P), h. 16.

zalim yang dikenali sebagai Raja Sang Nyanya iaitu ketua perompak lanun yang amat zalim.<sup>5</sup>

Cerita lain pula mengatakan nama Besut berasal dari perkatan Siam. Perkatan “Be” bermaksud daerah dan “sut” menggambarkan satu kawasan yang paling jauh atau hujung. Ringkasnya Besut bermaksud daerah yang paling jauh. Ini mungkin merujuk kepada jarak antara pusat pemerintahan Siam di Bangkok dengan Besut.<sup>6</sup>

Pada asalnya Besut adalah sebuah negeri. Setelah dikuasai oleh sekumpulan Pangan beberapa ketika, sekumpulan pedagang dan petani (Selatan Siam) telah datang ke Besut dengan diketuai oleh Cik Latif yang berasal dari Sumatera tetapi telah lama berdagang di Patani. Dengan tukaran segantang mata kail, Cik Latif berjaya memujuk orang-orang Pangan itu berpindah. Setelah kematiannya, anaknya Cik Kamat telah mengambil alih tampuk pemerintahan. Malangnya ketika pemerintahan beliau, Besut sekali lagi menghadapi kacau bilau lantaran kekacauan dan rompakan yang telah dilakukan oleh lanun-lanun yang berada di sekitar pulau-pulau berhampirannya. Ketua lanun itu terdiri daripada Panglima Ebeh dan Panglima Garang. Untuk mententeramkan keadaan ini, Cik Kamat telah meminta bantuan daripada Terengganu. Bantuan ini diperkenankan oleh pemerintah Terengganu pada masa itu, Sultan Mansur I (Marhum Berjanggut) yang memerintah dari 1726-1793. Baginda telah

<sup>5</sup> Ibid., h. 16.

<sup>6</sup> *Gema data* (1993), op.cit., h. 16.

menghantar satu angkatan tentera ke Besut dengan diketuai sendiri oleh puteranya Tengku Kadir. Perompak lanun itu dipaksa berundur ke Pulau Perhentian.<sup>7</sup>

Berikutnya kejayaan itu, Tengku Kadir telah dianugerahkan oleh Sultan Terengganu kuasa pemerintahan Besut. Cik Kamat pula dilantik menjadi Orang Besar Besut serta diberi hak ke atas Pulau Ru. Dari peristiwa ini, satu kesimpulan dapat diberikan tentang tarikh bilakah Besut dibuka. Ia dibuka lebih kurang awal abad ke-18.<sup>8</sup>

### **2.1.2 Kegiatan Ekonomi Dan persekitaran masyarakat Besut.**

Dari sudut ekonomi, penduduk Besut lebih melibatkan diri dalam sektor pertanian sebagai penanam padi, tembakau, getah, kelapa sawit, dusun buah-buahan dan kelapa. Kegiatan perikanan merupakan sebahagian kecil sahaja daripada kegiatan ekonomi penduduknya.<sup>9</sup>

Manakala dari sudut keagamaan terdapat banyak aktiviti yang dijalankan seperti kuliah-kuliah agama dan majlis-majlis ilmu yang diadakan di masjid-masjid, surau-surau dan sebagainya.

Di sini juga terdapat beberapa buah institusi pendidikan dan pusat kemahiran seperti Maktab Perguruan Besut, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Institut Kemahiran Mara (IKM) dan Pusat Giat Mara. Disamping itu

<sup>7</sup> Pesta Rakyat besut (1976), op.cit., h. 16-17.

<sup>8</sup> Ibid., h. 16-17.

<sup>9</sup> Gema Data (1993), op.cit., h. 2.

juga terdapat sekolah-sekolah rendah dan menengah kebangsaan dan agama yang ditubuhkan oleh kerajaan dan pihak swasta. Dengan adanya pusat-pusat tersebut secara tidak langsung memberikan kemudahan pendidikan kepada masyarakat sekitar.

Selain itu dari sudut pembangunan dan kemudahan asas terdapat pusat-pusat pentadbiran seperti Wisma Persekutuan dan bangunan Pejabat Daerah, Mahkamah Rendah Syariah serta pusat-pusat perniagaan yang semakin bertambah dan maju.

### **2.1.3 Sejarah Kedatangan Islam Di Besut**

Sejarah kedatangan Islam di Besut bermula dengan kedatangan Islam di Kelantan dan Terengganu. Ini disebabkan Besut terletak di antara kedua buah negeri tersebut. Ketibaan dan perkembangan Islam yang awal di Kelantan dan Terengganu mempengaruhi masyarakat Besut. Bukti kedatangan Islam di Terengganu dengan terjumpanya Batu Bersurat yang ditulis dengan huruf jawi di Kuala Berang lebih kurang 24 batu jaraknya dari Kuala Terengganu oleh Sayed Hussin bin Ghulam al-Bukhari seorang peniaga Terengganu di dalam tahun 1887.<sup>10</sup>

Di samping itu Islam telah bertapak kuat di Kelantan di abad ke xiii masihi lagi. Hakikat ini dapat dapat diketahui dari sekeping dinar emas yang dijumpai di

---

<sup>10</sup> N.C ff Sheppard M.B.E.E.D: A Short History of Terengganu. JMBRAS. Vol xxi part 3, June 1949, h. 3.

Kelantan dalam tahun 1914 masih. Menurut penulis sejarah Kelantan dinar emas itu mengandungi tulisan Arab, di muka pertama diukir perkataan al-Mutakkil (المتكل) iaitu gelaran raja yang memerintah. Dan muka dua diukir perkataan al Julüs-Kelantan 577 (الجلوس - كلنتن ٥٧٧) yang diertikan menurut istilah Arab naik singgahsana Kelantan tahun 577 iaitu bersamaan 1181 masih. Maka kemajuan Islam di Kelantan yang berjiran dengan Terengganu tentu sekali memberi kesan besar bagi kemajuan dan perkembangan Islam di Terengganu.<sup>11</sup>

Dari kenyataan yang dipilih melalui sejarah Kelantan dan Terengganu itu maka tidak hairanlah penduduk Terengganu khususnya di kawasan Besut terdidik dengan adab ketimuran dan keislaman yang kukuh. Ini terbukti dengan tertubuhnya beberapa buah pondok sebagai institusi agama seperti di Kampung Lampu oleh Imam Masjid Kampung Raja iaitu Haji Mat dan Tok Guru Haji Omar di Kampung Raja, Tuan Guru Haji Abdul Latif di Kampung Alor Keladi dan beberapa pondok lagi yang diasaskan oleh watan Besut.

✿✿✿

Kesimpulannya daerah Besut adalah sebuah daerah yang majoritinya adalah orang Islam. Manakala dari sudut pendidikan juga ianya semakin maju dan dengan sebab itu juga sekolah-sekolah atau pusat-pusat pengajian seperti pondok dan sebagainya semakin bertambah seperti cendawan tumbuh. Sambutan seperti ditempat-tempat syarahan agama juga amat menggalakkan lebih-lebih lagi dari kalangan golongan pertengahan umur 30-an ke atas.

---

<sup>11</sup> Pesaka iv, *Monograf Lembaga Muzium Negeri Terengganu* (t.t), disusun oleh Dato' Haji Mohamad Salleh B.H Awing (MISBAHA) dan Muhamad Yusuf Abdullah, Lembaga Muzium Negeri Terengganu, h. 16

Justeru itu dari sudut pengamalan berkenaan asas-asas agama seperti sembahyang, puasa, haji dan sebagainya boleh dikatakan hampir 80% melakukannya. Hasil kajian ini didapati daripada tinjauan rambang penulis terhadap masyarakat Islam di daerah ini. Walau bagaimanapun masih banyak lagi perkara-perkara lain yang perlu dijelaskan kepada mereka yang diantaranya ialah masalah pemilihan pasangan supaya mereka lebih memahami dan bersedia dalam membina rumah tangga.

### 1.3 Latar Belakang Masalah Kajian

Kajian ini berhubung kait dengan pembinaan keluarga. Kehidupan seseorang belum dianggap sempurna jika masih belum mempunyai pasangan hidup dan anak-anak. Justeru itu Rasulullah ﷺ menggalakkan dan menggesa setiap individu muslim khususnya yang mampu dan bersedia memikul tanggungjawab sebagai seorang suami atau ketua keluarga supaya segera berkahwin. Sabda Rasulullah ﷺ:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم:  
ياً مُعْشِرَ الشَّبَابِ عَلَيْكُم بِالْبَأْءَةِ فَإِنَّهُ أَغْنٌ لِلْبَصَرِ وَاحْصَنْ لِلْفَرْجِ  
فَمَنْ لَمْ يُسْتَطِعْ فَعَلِيهِ الْبَأْءَةُ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ فَإِنَّ الصَّوْمَ لَهُ وَجَاءٌ

Maksudnya:

Wahai pemuda-pemudi, sesiapa di antara kamu yang sudah mampu memikul tanggungjawab (sebagai suami) hendaklah berkahwin. Sesungguhnya (perkahwinan) dapat menjaga maruah dan sesiapa yang belum mampu sebaik-baiknya

hendaklah dia berpuasa kerana (puasa) dapat menjadi benteng dalam dirinya.<sup>12</sup>

Membina keluarga diibaratkan seperti membina sebuah rumah. Untuk membina sebuah rumah yang kukuh dan teguh mestilah diasaskan di atas tapak yang sesuai dan dibina daripada bahan yang bermutu. Oleh itu bagi memastikan rumahtangga yang bakal dibina kekal bahagia maka asas pertama yang perlu dibuat ialah memilih individu yang sesuai untuk dijadikan pasangan hidup.

Persekutaran hari ini juga turut mengundang pelbagai isu yang tidak sepatutnya berlaku kepada masyarakat Islam khususnya seperti penderaan terhadap isteri, suami atau isteri berlaku curang, penderaan anak-anak, gejala sosial di kalangan remaja, rogol, liwat dan sebagainya.

Terdapat banyak faktor yang menyebabkan terjadinya kejadian-kejadian tersebut. Antaranya tidak mendapat didikan agama yang sempurna, kurang mendapat perhatian oleh kedua ibubapa, terpengaruh dengan rakan sebaya dan sebagainya. Kesemua sebab-sebab ini jika diteliti dan diselidiki adalah berpunca daripada latar belakang keluarga yang kurang baik.

Baik atau buruk sesebuah keluarga bergantung kepada pemimpin rumahtangga. Pemimpin yang dimaksudkan ialah ibu atau bapa. Pengertian ‘baik’ di sini pula memberikan makna yang luas iaitu mencakupi pelbagai aspek luaran dan dalaman. Aspek luaran ialah mempunyai akhlak yang baik, mesra

---

<sup>12</sup> Abū Isā Muhammād bin Isā (t,t), *Sunan al-Tirmidhī*, j.2. Beirut: Dār al-Fikr, h. 273.

dengan ahli keluarga, memahami tanggungjawab dan lain-lain. Manakala aspek dalaman pula ialah mempunyai ilmu agama dan mengamalkan segala tuntutannya serta membina kekuatan diri.

Bagi mencapai hasrat tersebut, maka Islam telah memberikan panduan dan menggariskan beberapa kriteria yang perlu dijadikan kayu ukuran dalam memilih pasangan bagi lelaki dan juga perempuan. Dengan memenuhi kriteria tersebut, insyaallah rumahtangga yang bakal dibina akan menjadi syurga dunia sebelum menuju kesyurga yang sebenar iaitu diakhirat kelak.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Antara objektif atau tujuan kajian ini adalah :

- 1.4.1 Supaya mereka dapat memahami konsep sebenar pemilihan pasangan menurut Islam.
- 1.4.2 Untuk memberi kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat Islam tentang perihal pentingnya memilih pasangan mengikut kriteria yang digarisangkan oleh Islam.
- 1.4.3 Bagi memberi keterangan dan penjelasan kepada masyarakat Islam bahawa mempunyai pasangan bukan sahaja bertujuan memenuhi tuntutan naluri bahkan sebagai tanda memenuhi tuntutan agama.

- 1.4.4 Dapat memberi pendedahan kepada masyarakat Islam supaya tidak terburu-buru memilih pasangan tanpa meneliti dan memerhati ciri-ciri pasangan yang akhirnya boleh menimbulkan implikasi yang besar kepada kehidupan rumah tangga yang bakal dibina.
- 1.4.5 Bagi membentras amalan ‘rasi’ iaitu menilik jodoh dengan menggunakan cara-cara tertentu yang masih diamalkan oleh bomoh atau dukun.
- 1.4.6 Dapat mengkaji samada terdapat hubungan di antara ciri-ciri seperti kecantikan,kekayaan,ketaatan beragama dan keturunan yang baik dengan kebahagiaan rumah tangga atau sebaliknya.
- 1.4.7 Ingin meninjau sejauh mana kefahaman masyarakat Islam tentang kepentingan pemilihan pasangan menurut Islam.
- 1.4.8 Ingin mengetahui penghayatan dan pengamalan masyarakat Islam terhadap kriteria pemilihan sebagaimana yang disarankan oleh al-quran dan al- hadith.
- 1.4.9 Ingin mengetahui kriteria utama dalam pemilihan pasangan yang menjadi pegangan bagi masyarakat Besut.
- 1.4.10 Sebagai memenuhi syarat wajib bagi mendapat ijazah sarjana di bawah Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya sebagaimana yang telah ditetapkan oleh senat.

## 1.5 Kerangka Teori Kajian

Umum mengetahui bahawa setiap tindakan atau keputusan yang ingin dibuat mestilah terlebih dahulu dilakukan suatu kajian dan penelitian agar keputusan yang diambil tidak membawa kepada penyesalan pada masa akan datang. Justeru itu dalam memilih pasangan setiap individu perlu berhati-hati dan berwaspada dan disamping sentiasa bermohon kepada Allah s.w.t agar diberi pasangan yang beriman.

Oleh sebab itu lazimnya lelaki atau perempuan yang berpendidikan agama serta mempunyai peribadi yang mulia sudah pasti mereka mengetahui setiap tanggungjawab mereka samada sebagai anak, suami atau isteri, ibu atau bapa dan sebagainya. Justeru itu secara tidak langsung mereka dapat menterjemahkan tanggungjawab tersebut sesuai dengan situasi kehidupan mereka. Kriteria-kriteria sebagai suami atau isteri misalnya sudah terbentuk di dalam diri mereka sebelum mereka memikul tanggungjawab tersebut.

Secara teorinya jika kedua ibubapa mempunyai ciri-ciri seperti di atas pasti anak-anaknya turut mewarisi sifat kedua ibubapanya begitu juga sebaliknya. Namun begitu terdapat juga kes-kes di mana kedua ibubapa berakhhlak baik tetapi anak-anaknya tidak berakhhlak sedemikian dan sebaliknya. Punca sebenar berlakunya situasi sedemikian bukan kerana kesilapan teori tetapi disebabkan oleh faktor-faktor lain seperti pengaruh kawan-kawan, persekitaran, pengaruh media yang boleh membawa kepada keruntuhan akhlak dan lain-lain. Ternyata benarlah

anggapan yang menyatakan bahawa anak yang baik lahir daripada keturunan yang baik.

### **1.6 Hipotesis**

Masyarakat yang aman dan sejahtera terbentuk daripada kelompok-kelompok keluarga yang baik dan harmoni. Oleh sebab itu setiap ibubapa bertanggungjawab memainkan peranan sepenuhnya dalam membina keluarga dengan menyediakan segala keperluan hidup serta memberi didikan yang sempurna kepada anak-anak.

Terbukti bahawa anak-anak yang baik itu adalah hasil daripada didikan sempurna yang diberikan oleh ibubapa mereka begitu juga sebaliknya. Realiti masyarakat Islam di Besut hari ini menggambarkan tahap kerukunan rumahtangga masih di peringkat sederhana. Kedua-dua ini mungkin disebabkan oleh faktor dalaman yang berlaku didalam keluarga itu sendiri seperti masalah suami isteri yang tidak begitu memahami tanggungjawab masing-masing. Puncanya adalah kerana mereka kurang mendalami dan melaksanakan tuntutan agama. Justeru bagi membentuk keluarga yang sempurna perkara utama yang perlu dibuat adalah memilih pasangan yang benar-benar sesuai dengan memiliki ciri-ciri tertentu serta dapat memikul amanah sebagai suami atau isteri dengan penuh tanggungjawab. Berdasarkan kenyataan di atas penulis membuat hipotesis bahawa kriteria pasangan mempengaruhi corak kehidupan sesebuah keluarga.

Justeru itu bagi membuktikan kebenaran hipotesis yang dibuat, penulis akan melakukan kajian berhubung perkara ini di bawah tajuk Kriteria Pemilihan Pasangan : Satu Kajian Di Kalangan Masyarakat Islam Di Besut, Terengganu.

### **1.7 Kepentingan Kajian**

Kepentingan kajian ini dapat dilihat dari beberapa sudut iaitu:

1. Memberi kesedaran kepada masyarakat Islam khususnya di daerah Besut tentang kepentingan pemilihan pasangan.

Kajian ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat Islam khususnya di Besut tentang kepentingan memilih pasangan sebelum melangsungkan perkahwinan dengan cara mengkaji dan menyelidiki terlebih dahulu setakat mana kefahaman masyarakat dalam hal ini. Justeru itu juga menjadi tanggungjawab kepada pihak-pihak yang tertentu seperti ahli agama, ketua masyarakat dan sebagainya agar dapat memberi penerangan tentang kepentingan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan pemilihan pasangan sebagaimana yang dianjurkan oleh Islam. Ini disebabkan masyarakat hari ini kurang memberi perhatian dalam masalah ini, dimana mereka hanya menjadikan pemilihan ini hanya sebagai suatu rutin sebelum melangsungkan perkahwinan tanpa menyedari kepentingannya.

2. Mengkaji dasar pemilihan di kalangan masyarakat Besut.

Adalah penting kepada penulis untuk mengkaji sejauh mana dasar yang dipegang oleh masyarakat dalam membuat pemilihan pasangan. Melalui borang soal selidik yang diedarkan dan hasil daripada temuramah yang dijalankan serta pemerhatian yang dibuat diharap dapat mengetahui asas pemilihan mereka iaitu samada mengikut adat atau berpandukan kepada kriteria-kriteria yang tertentu.

3. Mengetahui kriteria utama yang menjadi pilihan di kalangan masyarakat Islam di daerah Besut.

Kajian ini cuba mengkaji apakah ciri-ciri yang menjadi pilihan utama bagi masyarakat dalam memilih pasangan hidup samada bertepatan dengan kriteria yang dianjurkan oleh Islam atau sebaliknya.

4. Mengkaji adakah masyarakat Islam di daerah Besut masih lagi mendapatkan pertolongan bomoh atau dukun dalam menentukan pasangan yang sesuai.

Penulis merasakan kajian ini penting bagi mendapatkan maklumat yang jelas berhubung dengan amalan ‘rasi’ iaitu menilik pasangan yang sesuai dengan meminta bantuan daripada bomoh atau dukun. Amalan ini sebenarnya sudah

menjadi adat kuno dalam masyarakat Islam Melayu, dimana ianya bersumberkan amalan Hindu.

5. Mencari punca sebenar masalah rumahtangga dan juga keruntuhan akhlak di kalangan remaja yang berlaku di daerah Besut.

Dalam kajian ini juga penulis cuba mencari punca sebenar yang menyebabkan terjadinya masalah rumahtangga seperti pertengkaran di antara suami dan isteri, pengabaian tanggungjawab dan perceraian serta keruntuhan akhlak di kalangan remaja. Terdapat banyak faktor yang menyebabkan terjadinya masalah tersebut. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui adakah salah satu faktornya disebabkan oleh pemilihan pasangan yang tidak dilakukan oleh mereka dengan betul iaitu sebagaimana yang dituntut oleh Islam.

## **1.8 Skop Kajian**

### **1.8.1 Bidang Kajian**

Bidang kajian ini hanya tertumpu kepada masalah kriteria pemilihan pasangan iaitu satu bahagian daripada bab perkahwinan di dalam Islam yang dibicarakan dalam kitab Fiqh.

### **1.8.2 Lokasi Kajian**

Kajian ini hanya melibatkan daerah Besut. Memandangkan daerah Besut adalah luas, maka ianya menyukarkan penulis untuk mengkaji keseluruhan daerah. Oleh sebab itu penulis hanya memfokuskan kajian ini kepada beberapa tempat sahaja yang dikira telah mencakupi dan merangkumi keseluruhan lokasi. Oleh sebab itu juga, pemilihan lokasi ini dibuat berdasarkan empat penjuru iaitu hanya tempat-tempat tertentu sahaja dipilih seperti beberapa buah kampung, sekolah, masjid dan institusi agama.

### **1.8.3 Sampel Kajian**

Penulis telah menjadikan beberapa buah kampung, sekolah, masjid dan institusi agama sebagai sampel bagi kajian ini. Kajian ini melibatkan beberapa golongan masyarakat di daerah Besut seperti golongan remaja yang berumur 18 tahun ke atas, golongan dewasa dan golongan tua.

### **1.8.4 Masa Kajian**

Kajian ini mengambil masa lebih kurang tiga tahun. Penulis terpaksa mengambil masa yang panjang kerana perlu membuat pemerhatian terlebih dahulu, kemudian memahami corak kehidupan masyarakat Besut dengan lebih jelas dan terperinci sebelum kajian ini dimulakan.

## **1.9 Huraian Istilah**

Sebelum penulis menelusuri kajian ini dengan lebih lanjut lagi, terlebih dahulu perlulah difahami makna tajuk yang menjadi topik kajian secara amnya.

Penulis memilih tajuk “Kriteria Pemilihan Pasangan : Satu Tinjauan Di Kalangan Masyarakat Islam Di Besut, Terengganu”.

### **1.9.1 Pengertian Tajuk**

Kriteria:

Istilah ilmu bahasa, iaitu beberapa ukuran (asas pertimbangan) untuk menentukan nilai (baik buruknya yang lain) sesuatu.<sup>13</sup>

Pemilihan:

Perbuatan memilih.<sup>14</sup>

Pasangan:

Jodoh, kelamin (laki-laki dan perempuan-perempuan). Berpasang-pasang, berdua-dua.<sup>15</sup>

Satu:

Angka permulaan membilangan-bilangan.<sup>16</sup>

<sup>13</sup> Kamus Dewan (1989), c. 1 (Edisi Baru). Selangor: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 660.

<sup>14</sup> Ibid., h. 965

<sup>15</sup> Ibid., h. 912

Kajian:

Kegiatan (usaha, proses) mengkaji.<sup>17</sup>

Di:

Kata depan yang menunjukkan tempat dan lain-lain.<sup>18</sup>

Kalangan:

Lingkungan, golongan, lingkaran, gelanggang.<sup>19</sup>

Masyarakat:

Kumpulan manusia yang hidup bersama (dalam sesuatu tempat mengikut aturan-aturan dan cara tertentu), pergaulan hidup.<sup>20</sup>

Islam:

Agama yang disampaikan oleh Nabi Muhammad.<sup>21</sup>

Di:

Kata depan yang menunjukkan tempat dan lain-lain.<sup>22</sup>

Besut:

Sebuah daerah dalam negeri Terengganu yang terletak di bahagian utara bersempadan negeri Kelantan.<sup>23</sup>

---

<sup>16</sup> Ibid., h. 1120

<sup>17</sup> Ibid., h. 517.

<sup>18</sup> Ibid., h. 280.

<sup>19</sup> Ibid., h. 520.

<sup>20</sup> Ibid., h. 806.

<sup>21</sup> Ibid., h. 462.

<sup>22</sup> Ibid., h. 280.

Terengganu:

Ialah sebuah negeri yang terletak di Tenggara Semenanjung Malaysia, mempunyai keluasan 13,080 persegi, ibu negerinya ialah Kuala Terengganu.<sup>24</sup>

### **1.10 Ulasan Penulisan / Literature Review**

Perbincangan dalam penyelidikan ini bukanlah suatu perkara baru atau asing dalam masyarakat dahulu dan sekarang. Ia merupakan amalan rutin dalam setiap kehidupan manusia tidak kira bangsa atau agama. Namun perbezaannya jelas apabila ditinjau dari sudut kaca mata Islam dimana setiap perjalanan hidup umatnya dibentuk berdasarkan sistem yang bersepodu dan terancang rapi. Begitulah halnya dalam pemilihan pasangan. Disebabkan itu perbahasan tentangnya tidak akan putus sehingga kini. Justeru itu penulis turut mengambil inisiatif untuk mengembangkan permasalahan ini dengan mengulas semula ulasan yang dibuat oleh para sarjana atau ‘ulama’ terdahulu dan juga ‘ulama’ terkini. Antara karangan daripada beberapa orang ‘ulama’ termasyhur yang menyentuh isu ini ialah:

#### **Imam al-Ghazālī.**

Dalam kitab karangan beliau yang terulung serta masyhur dan masih ada pada hari ini iaitu “*Iḥyā*” ‘Ulūm al-Dīn” beliau ada menyentuh tentang masalah

<sup>23</sup> *Pesta Rakyat* (1976), op.cit. h. 16.

<sup>24</sup> Hassan Hamzah (1997), *Kamus Melayu Global*, c. 2. Kuala Lumpur: Piramid Perdana (M), h. 1153.

pemilihan pasangan dalam jilid yang kedua.<sup>25</sup> Didalam perbahasan tersebut beliau turut menjelaskan tentang ciri-ciri yang perlu pada pada setiap pasangan iaitu bakal suami dan isteri. Bagaimanapun beliau lebih cenderung membuat suatu garis panduan tentang ciri-ciri bagi wanita (isteri) dengan menentukan beberapa kriteria seperti kecantikan, harta, agama dan keturunan. Namun begitu beliau tidak sama sekali mengabaikan ciri-ciri yang perlu ada pada seorang lelaki (suami).

Kesimpulannya perbincangan yang beliau ketengahkan telah dapat dijadikan suatu panduan dalam memilih pasangan namun begitu terdapat lagi ciri-ciri yang tidak beliau nyatakan seperti taraf umur, kesihatan tubuh badan dan beberapa lagi ciri lain secara jelas dan terperinci . Ini mungkin kerana beliau hanya melihat kepada ciri-ciri yang dianggap paling penting sahaja yang perlu ada pada seorang suami atau isteri.

#### **'Abd Allāh Nāsih 'Ulwān.**

Beliau juga turut menyentuh permasalahan pemilihan pasangan dalam kitabnya yang berjudul “*Tarbiyah al-Awlād Fī al-Islām*”<sup>26</sup>. Lima kriteria utama telah beliau nyatakan dimana ciri yang pertama ialah asas agama yang kuat, kedudukan yang mulia dan baik, bukan daripada golongan saudara yang hampir, perempuan yang masih gadis dan perempuan yang dapat melahirkan anak yang ramai.

<sup>25</sup> Abī Ḥāmid Muḥammad bin al-Ghazālī (t.t), *Iḥyā' Ulu'm al-Dīn*, j.2, Maktabah wa Maṭba'ah Muḥammad 'Alī Ṣabīh wa 'Alā uddūn, h. 2.

<sup>26</sup> 'Abd Allāh Nāsih 'Ulwān (1993), *Tarbiyah al-Awlād fī al-Islām*, j.1, c. 1. Dār al-Salām, h. 26.

Hasil daripada penelitian penulis, huraian yang dibuat terhadap kelima-lima kriteria tersebut memang terang dan jelas. Walaubagaimanapun beliau tidak mengaitkan dengan ciri-ciri lain yang tidak kurang pentingnya seperti persamaan taraf pendidikan, usia dan beberapa ciri lagi. Pada pandangan penulis kenyataan atau garis panduan yang beliau berikan itu sama seperti Imam al-Ghazālī yang hanya menumpukan kepada ciri-ciri yang paling utama.

### Sayd Sābiq<sup>27</sup>

Sepertimana kedua-dua ‘ulama’ terkemuka di atas beliau juga mempunyai pandangan yang sama malah keterangannya berhubung dengan masalah pemilihan pasangan ini didalam kitabnya yang bertajuk “*Fiqh al-Sunnah*” adalah hasil nukilan daripada Imam al-Ghazālī khususnya yang berkaitan ciri-ciri lelaki iaitu seorang suami mestilah seorang yang bukan bersikap pendera dan zalim, fasiq atau pemabuk dan tidak mengamalkan tuntutan *syara'*. Berhubung dengan kriteria seorang isteri pula beliau juga turut menyatakan dengan jelas ciri-ciri asas yang perlu wujud dalam dirinya sebagaimana yang dinyatakan oleh Imam al-Ghazālī dan ‘Abd Allāh Nāṣīḥ ‘Ulwān.

Setelah diteliti dan diperhatikan terhadap ketiga-tiga pandangan ‘ulama’ di atas jelas menunjukkan bahawa mereka hanya menumpukan kriteria-kriteria asas dan utama sahaja bagi ciri-ciri seorang suami dan isteri. Ciri-ciri sampingan yang lain tidak mereka bahaskan atau jelaskan dengan lebih lanjut dan terperinci begitu

<sup>27</sup> Sayd Sābiq (1973), *Fiqh al- Sunnah*. Lubnan: Dar al-Kitab al-‘Arabi, h. 56.

juga tentang masalah yang bakal dihadapi dalam pemilihan pasangan. Mereka tidak menyatakan demikian mungkin disebabkan ciri-ciri yang lain itu adalah rangkaian atau cabang yang lahir daripada ciri-ciri asas tersebut. Oleh kerana itu penulis memilih tajuk ini bertujuan untuk memperjelaskan dengan lebih detail dan terperinci agar masyarakat Islam lebih memahami tentang perkara asas yang perlu dilakukan dalam menentukan pasangan pilihan mereka.

Pemahaman yang cetek tentang masalah ini mungkin akan mengundang risiko yang biasanya sering berlaku dalam rumahtangga seperti tidak wujud persefahaman antara suami isteri, penderaan dari sudut zahir dan batin dan sebagainya. Penjelasan ini dibuat dengan mengambil kira semua pandangan ‘ulama’ berdasarkan hadith-hadith yang sahih dan hadith-hadith yang boleh dijadikan panduan dan amalan seterusnya disepakukan pandangan mereka supaya terbentuk suatu garis panduan yang nyata bertujuan menentukan suatu natijah yang baik hasil dari pemilihan yang sempurna.

## **1.11 Metodologi Kajian**

Metodologi merupakan asas utama dalam penyelidikan dan kajian. Ia adalah cara untuk mengetahui maklumat yang berhubung dengan masalah kajian.

Dalam kajian ini penulis akan menggunakan beberapa metod iaitu:

### **1.11.1 Metod Pengumpulan Data**

1.11.2 Metod Penentuan Subjek

1.11.3 Metod Analisis Data.

#### **1.11.1 Metod Pengumpulan Data**

Untuk menjalankan penyelidikan ini penulis mengumpulkan maklumat dengan menggunakan beberapa jenis metod iaitu:

##### **1.11.1.1 Metod Dokumentasi**

Metod ini digunakan dalam bab yang kedua dan ketiga. Metod ini digunakan dalam proses pengumpulan data dengan cara melakukan kajian terhadap dokumen-dokumen yang berhubungkait dengan masalah kajian.

Untuk mendapatkan data dan maklumat, penulis telah meneroka ke beberapa buah perpustakaan utama:

1. Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
2. Perpustakaan Universiti Malaya Cawangan Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.
3. Perpustakaan Awam Kampung Raja, Jertih, Besut, Terengganu.

#### **1.11.1.2 Metod Interview**

Penulis telah menemubual beberapa orang responden tertentu bagi mendapatkan maklumat berkaitan masalah ini. Temubual yang diadakan adalah secara rasmi dan tidak rasmi. Soalan-soalan telah disediakan sebelum temuramah dijalankan supaya temuramah yang diadakan berjalan lancar. Metod ini digunakan dalam bab yang ketiga.

#### **1.11.1.3 Metod Observasi**

Metod Observasi ialah kaedah pengumpulan data melalui pengamatan secara langsung terhadap subjek penyelidikan. Untuk itu penulis telah meletakkan dirinya sendiri ke lapangan bagi mendapatkan data yang benar-benar relevan dengan masalah yang dikaji.

Dalam kajian ini penulis telah meneliti dan memerhati mengenai tatasusila serta peradaban masyarakat Besut dalam beberapa hal yang berkaitan dengan permasalahan pemilihan pasangan untuk dimuatkan dalam bab yang ketiga.

#### **1.11.1.4 Metod kaji Selidik**

Penulis menggunakan metod ini bagi tujuan mendapatkan data primer bagi kajian ini dengan mengedarkan borang soal selidik yang mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan masalah kajian kepada responden. Bagi tujuan ini

penulis mengambil masa selama tujuh bulan iaitu bermula dari bulan Mac sehingga September 2001.

Soalan yang dikemukakan adalah berbentuk objektif iaitu penulis memberikan pilihan jawapan kepada responden dan juga berbentuk subjektif bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan maklumat yang lebih jelas daripada responden.

### **1.11.2 Metod Penentuan Subjek**

Penulis memilih kawasan Besut sebagai tumpuan kajian dan memilih beberapa tempat sebagai metod sampling iaitu Bandar Jertih, Kota Putera, empat buah masjid dan empat buah sekolah. Pemilihan lokasi kajian ini dibuat sebagai mewakili daerah Besut.

Adalah sukar bagi penulis untuk mengkaji keseluruhan kawasan di daerah ini kerana terdapat terlalu banyak mukim, masjid dan sekolah. Maka bagi mendapatkan maklumat yang menyeluruh dan lengkap, penulis memilih beberapa lokasi dan tempat yang difikirkan sesuai sahaja supaya menepati kehendak kajian. Antara tempat tumpuan kajian penulis ialah kawasan tempat tinggal penulis, beberapa buah kampung dalam daerah Besut serta beberapa tempat awam seperti masjid dan sekolah.

### **1.11.3 Metod Analisis Data**

Data-data yang diperolehi daripada metod-metod yang dinyatakan sebelum ini kemudiannya dianalisa oleh penulis melalui:

#### **1.11.3.1 Metod Induktif**

Iaitu dengan cara meneliti sesuatu fenomena ataupun sesuatu keadaan yang berlaku kemudiannya disesuaikan dengan keadaan atau kejadian yang sama berlaku selepasnya, atau dengan kata lain membuat kesimpulan secara umum.

Dalam hal ini penulis cuba mencari kesimpulan dengan cara memilih beberapa pasangan yang telah berkahwin bertujuan untuk mendapat penjelasan tentang corak pilihan mereka yang sebenar untuk dibuat suatu rumusan dalam mencapai fakta sebenar yang berbentuk umum.

#### **1.11.3.2 Metod Deduktif**

Sebuah metod analisa data yang tidak kurang pentingnya berbanding metod induktif. Bezanya metod ini ialah satu cara penganalisaan data dengan merujuk kepada dalil-dalil umum kemudian diinterpretasikan kepada senario yang khusus.

Penulis menggunakan metod ini dalam bab kedua untuk menganalisa cara dan corak pemilihan yang kebanyakannya masih menjadi amalan di kalangan masyarakat Islam hari ini. Seterusnya membuat kesimpulan secara khusus, bagaimanakah cara sebenar yang dituntut oleh Islam berdasarkan dalil-dalil daripada al-quran dan al-hadith dalam menjamin kesejahteraan pasangan tersebut.

#### **1.11.3.3 Metod Komperatif**

Iaitu kesimpulan yang dibuat dengan cara melakukan perbandingan terhadap segala data dan fakta yang diperolehi dalam usaha atau masa tertentu penyelidikan dilakukan. Kaedah ini digunakan oleh penulis dalam membuat perbandingan di antara cara atau saranan yang dianjurkan oleh Islam dan amalan biasa yang sering digunakan oleh masyarakat Islam hari ini khususnya di daerah Besut dalam masalah pemilihan pasangan. Kaedah ini dirasakan amat penting untuk diperjelaskan memandangkan terdapatnya kekeliruan di kalangan masyarakat dalam melaksanakan tuntutan tersebut.

### **1.12 Sistematika Penulisan**

**Bab pertama:** Penulis menjelaskan tentang latar belakang masalah kajian dalam bab yang pertama. Ia merangkumi lokasi kajian, objektif kajian, kepentingan kajian yang perlu diketahui oleh masyarakat Islam Besut khususnya

dan masyarakat Islam amnya. Didalam bab ini penulis juga menerangkan metod-metod yang digunakan dalam kajian ini.

**Bab kedua:** Konsep pemilihan pasangan dijelaskan didalam bab yang kedua sebagai teori asas kajian. Antara perkara yang turut dibincangkan di dalam bab ini ialah pengertian, dalil-dalil al-quran dan al-hadith berhubung dengan saranan pemilihan pasangan, tujuan dan kelebihan pemilihan, kriteria yang perlu ada pada pasangan dan lain-lain. Disamping itu turut dinyatakan disini ialah masalah-masalah yang sering berlaku dalam pemilihan dan cara penyelesaiannya.

**Bab ketiga:** Seterusnya penulis telah membuat analisis daripada hasil yang dijalankan dalam bab yang ketiga. Antara analisis yang dibuat ialah berkenaan dengan corak pemilihan pasangan di kalangan masyarakat Islam di Besut, faktor yang mempengaruhi pemilihan pasangan, halangan yang berlaku dalam pemilihan pasangan dan sebagainya yang berkaitan.

**Bab keempat:** Rumusan dan penutup kajian ini dinyatakan di dalam bab yang terakhir iaitu bab yang keempat. Di samping itu penulis turut memberikan beberapa saranan kepada pihak yang bertanggungjawab bagi meningkatkan kesedaran masyarakat Islam tentang peri pentingnya memilih pasangan berdasarkan kriteria-kriteria yang digariskan oleh-syara'.